

CNS5809

U GB 09-09 00187 BA297

BAH

Mahathir - Sabah

DR MAHATHIR SEDIA TEMUI WAKIL UMNO SABAH

KUALA TERENGGANU, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau sedia menemui Ketua-ketua Bahagian UMNO Sabah yang dikatakan tidak puas hati dengan cara Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri itu, Encik Ghafar Baba, mengetuai parti.

Katanya, bagaimanapun, beliau belum diberitahu secara rasmi mengenai keinginan 19 daripada 20 Ketua Bahagian UMNO di Sabah itu dan hanya mengetahui mengenainya melalui laporan surat khabar sahaja dan enggan mengulas lanjut.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas merasmikan Ekspo Tamadun Islam di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau belum mengetahui apa yang sebenarnya ingin diperkatakan ketua-ketua bahagian itu jika mereka benar-benar ingin menemuinya.

Akhbar Overseas Chinese Daily, Chinese Daily News dan Sin Chew Jit Poh dipetik sebagai melaporkan dari Kota Kinabalu bahawa Ketua-ketua bahagian UMNO Sabah itu mahu Ghafar digantikan dengan tokoh tempatan lain yang lebih layak.

Laporan itu juga menyebut kumpulan ketua bahagian itu melantik Ketua UMNO bahagian Samporna, Tan Sri Haji Sakaran Dandai untuk mengetuai rombongan itu menemui Dr Mahathir. -- Lagi.

♥09/09/14-24MST

U GB 09-09 00067 BA308

BAH

Mahathir - Sabah 2 (Akhir) Kuala Terengganu

Menurut laporan akhbar, kebanyakan ketua bahagian UMNO di Sabah tidak puas hati dengan cara Ghafar mengetuai UMNO Sabah, terutama selepas beliau menghadiri perhimpunan di Sembulan baru-baru ini.

Dalam perhimpunan itu, Ghafar mengumumkan semua peruntukan pembangunan untuk bahagian Tanjung Aru tidak lagi disalurkan melalui ketuanya, Yahya Hussein. -- Bernama.

SBJ AL KAM.